

→ ISU

# JAKIM disaran longgar syarat dapat sijil halal

BH  
21/9/16  
ms14

→ Prosedur untuk syarikat Bumiputera miliki pekerja Islam patut dipermudah

Oleh Nora Mahpar dan Mohd Nasaruddin Parzi  
bhnews@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dicadang memberi kelonggaran dalam prosedur pengeluaran per-sijilan halal JAKIM kepada syarikat Bumiputera terutama yang memiliki 100 peratus pekerja Islam.

Menteri Kemajuan Luar Bandar, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata walaupun saringan ketat persijilan halal baik bagi memas-

tikan setiap piawaian dipatuhi, jika kelonggaran diberikan kepada syarikat Bumiputera, ia pasti akan meningkatkan kesedaran mengenai halal itu sendiri dalam kalangan mereka.

## Proses teliti

Katanya, antara isu biasa yang dibangkitkan pengusaha ialah sukar mendapatkan sijil halal JAKIM sebab perlu menunggu lama berikutan proses itu dilakukan secara teliti kerana membabitkan soal makanan.

“Kadangkala tambahan peralatan, bangunan mesti dibaik pulih sebab uzur dan perlu dicat dulu.



Ismail Sabri bersama Tengku Nong Fatimah (kanan) melawat gerai pameran HALFEST 2016 di Pusat Pameran dan Konvensyen Antarabangsa MINES, Kuala Lumpur, semalam.

## Info

### HALFEST 2016

- sasaran 80,000 pengunjung
- membabitkan 500 usahawan
- lebih 300 produk dijual

Bagi usahawan Melayu dan Bumiputera, kebanyakan modal mereka juga terhad (untuk beli peralatan dan baik pulih). Jadi mereka ambil keputusan untuk tidak memohon (sijil halal),” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Halal Fiesta Malaysia (HALFEST) 2016 di Pusat Konvensyen dan Pameran Antarabangsa MINES (MICE) di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Alexander Nanta Linggi dan Penaung HALFEST, Datuk Tengku Nong Fatimah Sultan

Ahmad Shah.

Terdahulu dalam ucapan perasmian, Ismail Sabri berkata, persijilan halal JAKIM bukan hanya memfokus kepada prosedur pengeluaran sijil, tetapi berkait soal dosa dan pahala.

“Halal (kini) amat penting dan diutamakan semua pihak. Kalau syarikat dimiliki orang Islam dan pekerjaanya pun 100 peratus Islam, ada baiknya juga jika prosesnya dapat dipermudah.

“Saya harap pihak JAKIM dapat beri perhatian kepada hal ini untuk dipertimbangkan bagi membantu usahawan Bumiputera dalam pelbagai sektor,” katanya.

[FOTO BERNAMA]